



MIMM TRAVEL & TOURS SDN BHD (KPKLN 7265)

19-2 Jalan Melati Utama 4 Taman Melati Utama 53100 Kuala Lumpur

03 4162 7879 | 011 1029 7879

info@mimmtravel.com | www.mimmtravel.com

BORANG PENDAFTARAN UMRAH

BUTIRAN PERIBADI JEMAAH

Nama
(Mengikut IC / Passport)

Alamat Surat-Menyurat
(Alamat Semasa)

No Kad Pengenalan

Email

Warganegara

No. H/P

Pernah Mengerjakan Umrah

Jenis Penyakit (Jika ada)

YA/TIDAK

PILIHAN PAKEJ UMRAH

NAMA PAKEJ	TARIKH PAKEJ

JUMLAH BILIK

BILIK BER-2	BILIK BER-3	BILIK BER-4

MAKLUMAT WARIS DI MALAYSIA (TIDAK TURUT SERTA)

NO	WARIS	HUBUNGAN	NO TELEFON
1			

CATATAN

MAKLUMAT PESERTA LAIN

DOKUMEN DIPERLUKAN

1. Salinan Pasport (sah laku 6 bulan sebelum bertolak)
 2. Salinan Gambar 1 keping (latar belakang putih, 6cmx4cm)

Dokumen di atas boleh juga diberikan secara softcopy ke mimmtravel@gmail.com atau whatsapp 01110297879.

TERMA & SYARAT

1. Pelanggan perlu menghubungi pihak MIMM Travel & Tours untuk memastikan ada kekosongan padatarikh yang diingini.
2. Semasa mendaftar, pelanggan perlu menetapkan bilik yang ingin diduduki sama ada bilik berempat, bertiga atau berdua. Jika pelanggan ingin bilik berempat , pelanggan mesti mempunyai rakan sebilik bagi mencukupkan bilik berempat atau menunggu pelanggan lain untuk memenuhi bilik berempat. Jika tidak ada atau tidak mencukupi 4 orang sebilik, pelanggan akan dicaj mengikut kekosongan bilik sedia ada.
3. Bayaran deposit tempahan ialah RM1,000 seorang. Bayaran penuh hendaklah diselesaikan selewatnya 45 hari sebelum penerbangan.
4. Pembayaran boleh dibuat dengan wang tunai / perbankan atas talian / cek / deraf bank atas nama:

MIMM TRAVEL & TOURS SDN BHD

MAYBANK ISLAMIC

5642 2162 8199

Pihak MIMM Travel & Tours tidak akan bertanggungjawab jika pembayaran dibuat ke akaun selain akaun MIMM Travel & Tours.

5. Jadual perjalanan, lawatan dan apa apa aktiviti di Arab Saudi adalah tertakluk kepada peraturan semasa Arab Saudi.
6. Sebarang pindaan selepas pengesahan dibuat akan dikenakan caj pindaan sebanyak RM200 seorang tidak termasuk kos-kos pindaan.
7. Pihak MIMM Travel & Tours tidak akan bertanggungjawab sekiranya pelanggan tidak dibenarkan keluar dan masuk negara oleh pihak imigresen kerana melanggar undang-undang Malaysia atau Arab Saudi.
8. Tiada bayaran balik atau pengurangan harga jika pelanggan memilih untuk tidak menggunakan perkhidmatan atau perkara yang termasuk dalam pakej umrah.
9. Harga di dalam brosur adalah harga semasa pada masa penerbitan. Harga tertakluk kepada perubahan semasa. Pihak MIMM Travel berhak menaikkan harga berdasarkan kenaikan kos semasa melalui notis makluman.
10. Sekiranya terdapat perubahan tarikh dan masa oleh syarikat penerbangan atau perubahan situasi dan undang-undang di Arab Saudi yang memerlukan penambahan hari dan melibatkan jadual perjalanan, pengiraan kos alternatif tambahan akan dilaksanakan dan pihak MIMM Travel & Tours tidak akan menanggung kos berkenaan.
11. Pihak MIMM Travel & Tours berhak menolak, mengubah atau memindah mana-mana terma syarat atau menarik balik promosi bila-bila tanpa notis.

12. Jika jemaah ada visa pelancong yang masih sah laku, jemaah hendaklah memberikan salinan visa tersebut. Visa wajib dibuat dengan MIMM Travel & Tours untuk mengelakkan dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa di Saudi.

PAKEJ TIDAK TERMASUK

1. Kos rawatan, ubat-ubatan, wad dan kuarantin di hospital Arab Saudi yang tidak dilindungi atau melebihi perlindungan insurans.
2. Penggantian nilai barang peribadi yang hilang di mana-mana lokasi sepanjang perjalanan dan caj lebihan timbangan bagasi.
3. Sebarang perubahan kadar matawang asing yang menyebabkan kenaikan harga penginapan, pengangkutan, tiket penerbangan, cukai penerbangan, cukai lapangan terbang dan surcaj bahan api.
4. Program lawatan atau aktiviti ke tempat yang tidak dinyatakan dalam pakej.
5. Makan dan minum yang tidak dinyatakan dalam pakej.

PEMBATALAN OLEH PELANGGAN

1. Pelanggan berdaftar tidak dibenarkan menarik diri tanpa sebarang sebab yang kukuh.
2. Permohonan pembatalan perlu dikemukakan melalui surat dan bukti bertulis dari mana-mana organisasi (sekiranya ada) atas nama MIMM Travel & Tours Sdn Bhd bagi mengelakkan salah faham.
3. Pembatalan yang melebihi tempoh 45 hari bekerja sebelum tarikh penerbangan akan dikenakan caj RM300 seorang atau 15% dari harga pakej mengikut mana yang lebih tinggi.
4. Pembatalan dalam tempoh 35 - 44 hari bekerja sebelum tarikh penerbangan akan dikenakan caj 35% dari harga pakej.
5. Pembatalan dalam tempoh 16 - 35 hari bekerja sebelum tarikh penerbangan akan dikenakan caj 50% dari harga pakej.
6. Pembatalan dalam tempoh 8 - 15 hari bekerja sebelum tarikh penerbangan akan dikenakan caj 75% dari harga pakej.
7. Pembatalan dalam tempoh 7 hari bekerja atau kurang sebelum tarikh penerbangan akan dikenakan caj 100% dari harga pakej.
8. Pelanggan yang berdaftar tertakluk kepada syarat-syarat pembatalan yang ditetapkan.

PEMBATALAN LUAR KAWALAN SYARIKAT

1. MIMM Travel & Tours Sdn Bhd berhak membatalkan tempahan pakej umrah jika berlaku keadaan luar jangka dan memaksa seperti pandemik, bencana alam, perang, mogok, rusuhan atau atas arahan kerajaan Malaysia dan kerajaan Arab Saudi.
2. MIMM Travel & Tours Sdn Bhd akan mengesyorkan tarikh alternatif yang sama nilai dengan pakej umrah yang ditempah oleh pelanggan.
3. Sekiranya pelanggan tidak menerima tawaran alternatif yang diberikan, semua wang yang telah dibayar akan dipulangkan kembali selepas ditolak caj berikut:
 - Caj RM300 atau 15% seorang dari harga pakej (mengikut mana yang lebih tinggi) serta termasuk;
 - Apa-apa caj penalti yang dikenakan oleh syarikat penerbangan atau;
 - Sebarang bayaran yang telah dibayar oleh MIMM Travel & Tours Sdn Bhd kepada manapembekal atau pihak ketiga.
4. Pelanggan yang berdaftar tertakluk kepada semua syarat-syarat pembatalan yang telah ditetapkan oleh MIMM Travel & Tours Sdn Bhd.

Tandatangan Jemaah:

Tandatangan : _____
Nama : _____
No Kad Pengenalan : _____
Tarikh : _____

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Pengesahan Pegawai **MIMM Travel & Tours Sdn Bhd**

Nama : _____
Jawatan : _____
Tarikh : _____